

## ***Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan***

***Hikayat Nabi Adam: A Text Study and Analysis Based an Religious Approach***

Nurul Nasuha Binti Mohd Rosle  
Zubir Bin Idris

Program Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

[zidris@ukm.edu.my](mailto:zidris@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Kajian ini menggunakan naskhah Hikayat Nabi Adam sebagai bahan kajian. Dalam menyempurnakan analisis data, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Kajian ini memfokuskan kepada Pengkaedahan Keagamaan. Terdapat tiga fokus utama dalam Pendekatan Keagamaan ini iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Fokus kajian yang dijalankan ini adalah untuk meneliti nilai-nilai Islam dan sejarah asal-usul nabi Adam yang terkandung dalam teks yang berlandaskan al-Quran dan hadis melalui pendekatan dakwah yang memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam. Pendekatan ini berfungsi untuk melihat sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seseorang insan kepada Allah. Menerusi kajian naskhah ini dapat dilihat perkembangan Islam dan wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan insan kepada Allah. Diharapkan hasil kajian naskhah Hikayat Nabi Adam ini dapat dijadikan sebagai satu asas panduan dalam kehidupan masyarakat.*

***Kata kunci:*** manuskrip, Hikayat Nabi Adam, Pengkaedahan Keagamaan, Islam, dakwah.

### **ABSTRACT**

*This study use a copy of Hikayat Nabi Adam as study material. In accomplishing data acquisition, this study use Pengkaedahan Melayu theory introduced by Hashim Awang. This study concentrate to Pengkaedahan Keagamaan. There are three main focus in Pengkaedahan Keagamaan namely Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan and Pendekatan Seni. The focus of this research is to examine the values of Islam and the history of the origins of Adam contained in the text based on the Qur'an and Hadith through missionary approach that flash purity value, privilege and superiority Islamic. This approach function to see literature as a channel to increase piety value or obedience of a human to Allah Thia study examines questions related to even the greatness of Allah and Islam. Through this study hoped the result can be seen of the development of Islam and platforms to enhance the value of piety and hoped Hikayat Nabi Adam can become a basis of guide in community life.*

***Keywords:*** manuscript, Hikayat Nabi Adam, Pengkaedahan Keagamaan, Islam, dakwah.

## 1. Pengenalan

Kajian mengenai manuskrip Melayu memberi erti kajian yang berkaitan dengan deskripsi atau keterangan terhadap hasil karya penulisan tangan, berskrip jawi dengan menggunakan versi Melayu yang terhasil lebih seratus tahun dahulu. Signifikan kajian terhadap manuskrip ini ialah kerana tulisan Melayu lama ini merupakan salah satu peninggalan bangsa yang berharga. Ia mengandungi penjelasan mengenai pelbagai perkara berkenaan sesuatu bangsa berupa kebudayaan, buah fikiran, perasaan, kepercayaan, adat kebiasaan dan nilai-nilai yang berlaku dalam masyarakat lampau. Naskhah-naskhah bertulis ini juga mempunyai pelbagai genre, antaranya terdapat cerita-cerita pelipur lara, cerita-cerita berkisarkan kepercayaan masyarakat dahulu, cerita yang bernafaskan sejarah dan keagamaan, ajaran-ajaran Islam, pengetahuan tentang ubat-ubatan dan ketatanegaraan.

Naskhah lama yang begitu banyak jumlahnya ini membuktikan betapa penting dan berharganya ia sebagai warisan yang diperturunkan sejak dari nenek moyang zaman dahulu. Manuskrip Melayu ini dihasilkan dengan kepelbagaian jenis genre seperti karya-karya prosa, historiografi, hikayat, undang-undang dan lain-lain. Kepelbagaian manuskrip ini dihasilkan dan disesuaikan mengikut keperluan masyarakat pada ketika itu. Contohnya, manuskrip tersebut dihasilkan sebagai hiburan, sebagai bahan dokumentasi sejarah dan juga sebagai salah satu cara penyebaran Islam. Unsur-unsur Islam misalnya dapat dilihat melalui penulisan dan penceritaan yang terkandung seperti di dalam manuskrip *Hikayat Nabi Adam*.

Manuskrip *Hikayat Nabi Adam* merupakan satu teks manuskrip yang dihasilkan berbentuk prosa yang menceritakan tentang sejarah dan asal-usul kejadian Nabi Adam. Manuskrip ini berunsur Islam kerana mengandungi kisah kejadian bumi dan manusia paling awal dijadikan Allah iaitu Nabi Adam. Naskhah ini juga menceritakan tentang kemuliaan Nabi Adam dan riwayat hidupnya bersama Siti Hawa. Selain itu, naskhah ini turut mengandungi pengajaran dan iktibar melalui peristiwa-peristiwa yang terkandung di dalamnya. Penggunaan ayat al-Quran banyak terdapat di dalam manuskrip ini sebagai bukti kebenaran cerita yang terkandung di dalamnya dan melambangkan keislaman yang wujud dalam masyarakat Melayu dahulu.

Analisis naskhah *Hikayat Nabi Adam* ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan kepada pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah ini umumnya berteraskan nilai keimanan dan ketakwaan yang bertunjangkan akidah agama Islam. Penggunaan al-Quran dan hadis merupakan sumber penting dalam pendekatan dakwah bagi memperlihatkan penonjolan keagungan Allah dan kemurnian Islam. Pendekatan dakwah juga merujuk kepada sesuatu perkara yang dapat mendekatkan diri dengan Allah dengan cara mendalami, mempelajari, dan mempraktikannya dalam kehidupan sehari-harian. Dakwah boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti saling menasihati dan memberi teguran yang bersifat positif. Pendekatan dakwah ini secara tidak langsung berkait rapat dengan norma kehidupan masyarakat yang mempunyai pegangan agama sebagai salah satu cara hidup khususnya agama Islam. Pendekatan dakwah yang dibincangkan dalam karya *Hikayat Nabi Adam* ini bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan tentang nilai-nilai Islam dan sejarah asal-usul nabi Adam yang terkandung dalam teks yang berlandaskan al-Quran dan hadis serta memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam itu sendiri.

## 2. Kajian Lepas

Dalam menyempurnakan kajian ini, beberapa karya dan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian ini telah diteliti dan didapati bahawa kajian terhadap teks manuskrip *Hikayat*

*Nabi Adam* ini masih belum dikaji oleh mana-mana pihak. Namun terdapat beberapa kajian yang dilakukan khusus mengenai manuskrip berunsur Islam di Tanah Melayu.

Berdasarkan pembacaan Terdapat kajian yang dijalankan oleh Ardiyanto (2011) bertajuk *Hikayat Nabi: Suntingan Teks dan Analisis Struktur*. Kajian ini telah meneliti teks *Hikayat Nabi* dan mengungkapkan struktur teks menggunakan pendekatan filologi dan struktural iaitu meneliti tema dan amanat yang terkandung di dalam teks yang dikaji. Kajian ini mendapati bahawa *Hikayat Nabi* merupakan sastera Islam yang meliputi akidah, ibadah dan akhlak.

Antara kajian yang telah dibuat berkaitan manuskrip berunsur Islam ialah kajian tentang *Nilai-nilai Moral dalam Karya Sastra Melayu Klasik Islam, Kajian terhadap Hikayat Raja Khaibar, Hikayat Saif Zulyazan, serta Hikayat Mariam Zanariah dan Nurdin Masrioleh* oleh Kosasih, H. E. (2016). Kajian ini menggunakan metod deskriptif-kualitatif. Penelitian ini juga memberi perhatian kepada penginferensian suatu teks, maka proses pengumpulan data dilakukan melalui teknik analisis isi. Dengan menggunakan metod tersebut dapat disimpulkan bahawa karya sastera Melayu klasik Islam sarat dengan nilai moral. Nilai-nilai moral tersebut dapat dijumpai dalam alur, penokohan, latar, dan tema ceritanya. Kaedah moral yang dinyatakan di dalamnya merupakan sesuatu yang ideal, yang sangat dipengaruhi oleh sistem norma atau kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat pada waktu itu.

Kajian Roslina Abd Bakar dan Aone van Engelenhoven (2016) pula telah meneliti *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang menceritakan kisah kehidupan binatang di rimba dan lautan dengan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang. Kajian ini bertujuan memperlihat cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932). Artikel ini telah membahaskan pelbagai isu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang menggambarkan hubungan antara alam dan masyarakat Melayu yang disampaikan secara ironi, sinisme, sarkasme untuk menghibur, membawa maklumat dan fungsi kerohanian dalam kalangan audien pembaca.

Walaupun terdapat banyak kajian transliterasi dan analisis teks manuskrip lama berunsur Islam namun kajian dan analisis teks *Hikayat Nabi Adam* masih belum dikaji. *Hikayat Nabi Adam* merupakan kajian naskhah lama yang masih belum dikaji oleh mana-mana pihak. Oleh itu, kajian terhadap *Hikayat Nabi Adam* ini telah dikaji bagi meneliti nilai-nilai Islam yang terkandung di dalamnya dengan menggunakan Pendekatan Keagamaan dan berfokus kepada pendekatan dakwah.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini berorientasikan kaedah kepustakaan. Kajian menggunakan bahan yang terdapat di perpustakaan seperti di Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Negara Malaysia dengan membuat rujukan terhadap jurnal, buku, latihan ilmiah, dan sebagainya dalam usaha menyelidik perkara-perkara yang berkaitan dengan naskhah *Hikayat Nabi Adam*.

Kajian ini turut melibatkan pengutipan data daripada buku-buku ilmiah, jurnal dan lain-lain sumber yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Pusat Sumber Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU) Universiti Kebangsaan Malaysia. Segala data yang diperoleh melalui pencarian di tempat-tempat tersebut akan disaring dan dianalisis mengikut skop kajian yang telah ditetapkan.

Seterusnya, untuk kajian analisis, kajian ini menggunakan pendekatan Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Keagamaan ini melihat agama Islam yang sinonim dengan agama Melayu sebagai teras yang menunjangi kepengkaryaan. Penggunaan pendekatan Pengkaedahan Keagamaan

terhadap kajian ini adalah untuk meneliti nilai-nilai Islam yang terdapat di dalam naskhah Hikayat Nabi Adam.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Menurut Hashim Awang (2004) di dalam Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu II pada 26 hingga 28 Februari di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Teori Pengkaedahan Melayu termasuk ke dalam golongan teori yang dikenali sebagai *grounded theory* atau teori beralas/ berlandas yang terbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif; di dalamnya terbangun rumusan atau formula yang merupakan prinsip-prinsip umum tentang karya atau teks sastra dan amalan-amalan yang berkaitan dengan kesusasteraan Melayu. Kesusasteraan Melayu yang dihasilkan selepas kedatangan Islam lebih memfokuskan kepada tiga teras utama yang bersifat keMelayuan dan keIslaman. Ketiga-tiga teras itu dapat disebutkan sebagai teras kebajikan, teras ketaqwaan dan teras ketatasusilaan. Ketiga-tiga teras ini mendasari penghasilan karya dalam Kesusasteraan Melayu yang bersandarkan sepenuhnya nilai dan aqidah agama Islam sesuai dengan anutan pengarang dan masyarakat Melayu.

Teras kebajikan dilihat sebagai teras utama yang mendasari Kesusasteraan Melayu kerana setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang masyarakat Melayu mempunyai unsur didaktik yang mengandungi persoalan tentang kepentingan melakukan kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran; amar ma'ruf nahi munkar. Teras kebajikan ini secara tidak langsung memberi penjelasan tentang tanggungjawab penghasilan sesebuah karya itu sebagai sebuah karya yang boleh memberi manfaat kepada masyarakatnya.

Teras ketaqwaan pula dilihat sebagai pelengkap kepada teras yang pertama kerana teras kebajikan bukan sahaja membawa konsep amar ma'ruf nahi munkar sebagai amalan masyarakat membentuk kasih sayang dan keharmonian tetapi turut mewujudkan rasa pengabdian manusia kepada Tuhannya. Teras ketaqwaan ini merupakan pengukuhan agama Islam yang menerapkan unsur taqwa dan aqidah yang disebarkan melalui penulisan karya kesusasteraan masyarakatnya. Pada karya-karya seperti ini juga yang banyak menjelaskan gambaran dan penjelasan tentang sifat-sifat kesempurnaan dan ketinggian Allah, dan juga kemurniaan dan keagungan agama Islam itu sendiri.

Teras ketatasusilaan pula lebih menyempurnakan sifat orang Melayu yang penuh adab dan sopan santun dalam kehidupan mereka sehari-hari. Setiap amalan yang dilakukan mempunyai aturan dan tertib sebagai ekspresi keindahan dan estetika yang telah dipupuk dalam budaya masyarakat Melayu. Islam turut menuntut umatnya agar berdisiplin dan tertib mengikut aturan dan hukum-hakam yang sedia ada.

Berdasarkan teras yang mendasari Teori Pengkaedahan Melayu ini, terdapat dua landasan yang diketengahkan oleh Hashim Awang melalui teori ini iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan keagamaan ini melihat agama Islam sebagai agama yang begitu sinonim dengan agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu. Disebabkan itu, terdapat banyak karya yang dihasilkan oleh pengkarya Melayu dan Islam sebagai satu bentuk pendekatan dakwah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan manusia kepada Allah S.W.T sebagai Tuhan Yang Esa. Sastra dijadikan semacam "kitab" untuk manusia mengenali lebih dekat akan sifat dan kebesaran Tuhan.

##### 4.1 Konsep Dakwah

Dakwah merupakan istilah yang khusus dalam Islam. Dari sudut bahasa, dakwah berasal daripada perkataan Arab "dakwah" yang bermaksud mengajak, menyeru, menjemput, memanggil kepada sesuatu kebaikan. Ia merupakan satu kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap muslim yang mempunyai kemampuan, dalam

sebarang bentuk dan dalam setiap kesempatan. Dakwah merupakan tugas para Rasul dan perintah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W yang merupakan juru dakwah pertama semenjak agama Islam diturunkan. Banyak perintah Allah yang ditujukan kepada Rasulullah supaya melaksanakan tugas tersebut secara berkesinambungan, seperti firman Allah yang bermaksud “Dan serulah (wahai Muhammad) umat manusia kepada agama Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau adalah berada di atas jalan yang lurus.” (Surah Al-Haj: 67)

Dari segi istilah pula, terdapat banyak definisi dakwah yang diberikan oleh para ulama’ Islam. Antaranya ialah Ibn Taimiyah yang mendefinisikan dakwah kepada Allah ialah menyeru manusia agar beriman dengan Allah serta beriman dengan apa yang telah dibawa oleh para Rasul-Nya, dengan membenarkan apa yang telah diberitakan oleh mereka dan taat kepada perintah mereka.

(dipetik oleh Muhammad Ahmad Ar-Rasyid, 2000:104).

Kesimpulannya, pendekatan dakwah merujuk kepada sesuatu perkara yang dapat mendekatkan diri dengan Allah dengan cara mendalami, mempelajari, dan mempraktikkannya dalam kehidupan sehari-harian. Dakwah boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti saling menasihati dan memberi teguran yang bersifat positif. Pendekatan dakwah ini secara tidak langsung berkait rapat dengan norma kehidupan masyarakat yang mempunyai pegangan agama sebagai salah satu cara hidup khususnya agama Islam. Pendekatan dakwah yang dibincangkan dalam karya *Hikayat Nabi Adam* bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan tentang nilai-nilai Islam dan sejarah asal-usul nabi Adam yang terkandung dalam teks yang berlandaskan al-Quran dan hadis serta memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam itu sendiri.

#### 4.2 *Dakwah Islam Dalam Hikayat Nabi Adam*

*Hikayat Nabi Adam* memperlihatkan unsur penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat Melayu pada ketika itu. Naskhah ini dikatakan dalam kategori sastera Islam kerana konsep sastera dan keIslaman yang jelas terdapat di dalam penceritaan manuskrip ini. Konsep sastera Islam merujuk kepada karya-karya yang bersifat keislaman dengan memmanifestasikan ciri-ciri dakwah yang membawa kepada kesedaran rohani dan prinsip tauhid serta taqwa yang dituntut di dalam Islam. Di dalam naskhah *Hikayat Nabi Adam* dapat dilihat pelbagai unsur dakwah diterapkan bagi tujuan penyebaran agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Hal ini kerana Islam mengharuskan adanya dakwah dalam kalangan manusia agar saling ingat-mengingati dan saling berpesan-pesan ke arah kebaikan.

##### 4.2.1 *Melihatkan Kekuasaan Allah*

Salah satu Pendekatan Dakwah yang terdapat di dalam *Hikayat Nabi Adam* dapat dilihat apabila naskhah ini dijadikan sebagai satu wadah untuk menyampaikan bukti-bukti penceritaan yang memaparkan tentang kemuliaan dan keagungan Allah. Kekuasaan dan keagungan Allah banyak diceritakan di dalam hikayat ini bersumberkan al-Quran sebagai kitab suci bagi umat Islam. Antara bentuk kekuasaan Allah yang terkandung di dalam *Hikayat Nabi Adam* ialah apabila Allah sebagai Tuhan pemilik semesta alam mampu menciptakan apa sahaja mengikut kehendaknya dalam sekelip mata sahaja. Penciptaan tersebut termasuklah penciptaan langit dan bumi, manusia dan segala nikmat yang diturunkan Allah di atas muka bumi ini. Hal ini dapat dilihat melalui petikan yang terdapat dalam *Hikayat Nabi Adam* seperti berikut:

Maka adalah sebelum menjadikan Nabi Adam alaihi salam menjadikan langit dan bumi dan di antara keduanya dengan firman Allah yang berbunyi “Allahu ladzi khalaqa alssamawati waalarda wama bainahuma.” Yakni Allah Taala jua yang

menjadikan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi dan di antara keduanya itu kata Ibn Abbas r.a d-i-u-a-s: Allah Taala hendak menjadikan bumi tujuh lapis dan langit tujuh lapis. Maka pertama dijadikan seperti mutiara yang putih dan suci tujuh ribu tahun lamanya terhantar.

(*Hikayat Nabi Adam*: 1)

Berdasarkan petikan tersebut, dapat dijelaskan bahawa *Hikayat Nabi Adam* dikarang sesuai bagi tujuan dakwah dengan sastra Islam yang memperlihatkan kebesaran Allah dan Islam kepada masyarakat dalam menciptakan segala sesuatu atas kehendak-Nya.

#### 4.2.2 Mengagungkan Sifat-sifat Allah

Melalui Pendekatan Dakwah juga akan mendekatkan masyarakat mengenali Allah dengan lebih dekat dan meyakini kewujudan Allah sebagai Tuhan Yang Maha Esa. Sesuai dengan konteks penceritaan yang terdapat di dalam *Hikayat Nabi Adam*, manuskrip ini banyak memperlihatkan kepada pembaca unsur-unsur Islam yang bertujuan untuk mendidik dan menarik serta mempengaruhi agar masyarakat dalam mengenali Islam dengan lebih mendalam. Manusia sebagai hamba yang memegang kepada kepercayaan Islam haruslah mengenali penciptanya terlebih dahulu. Seperti kata hikmat “tak kenal maka tak cinta” maka di dalam naskhah ini pengarang membawa manusia mengenali Allah dengan lebih dekat. Melalui naskhah ini, pengarang banyak menyampaikan kebenaran serta keindahan demi memperlihatkan kemahakuasaan serta segala “kemahaan” Allah S.W.T. Keagungan dan kekuasaan Allah dapat dilihat melalui sifat-sifat Allah Yang Maha Kuasa seperti yang terdapat di dalam petikan berikut:

Bismillahir rahmanir rahim. Alhamdulillahirobbil alamin, washolatu wassalamu 'ala asrofil wa'ala alihi wasohbihi wasalim.

(*Hikayat Nabi Adam*: 1)

Petikan tersebut merupakan doksologi yang kebiasaannya terdapat dalam gaya penulisan masyarakat dahulu. Doksologi naskhah ini dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah dan rasul dalam bahasa Arab. Maksud petikan bahasa Arab tersebut ialah “Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Sang Penguasa alam semesta. Semoga selawat serta keselamatan tercurahkan selalu kepada Nabi dan Rasul termulia beserta keluarga dan sahabat.” Berdasarkan maksud yang dijelaskan maka dapat dilihat bahawa sifat Allah yang disampaikan itu ialah Penyayang Dan Maha Pemurah. Pemujian kepada Allah ini merupakan salah satu pendekatan dakwah yang digunakan dalam Islam bagi memperlihatkan kehambaan manusia kepada penciptanya.

Selain itu, terdapat juga sifat-sifat Allah yang lain disampaikan melalui penceritaan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Setelah itu maka mutiara ia pun menjadi air daripada hebat ditilik nazar **Tuhan Yang Maha Tinggi**. Itu pun tiada ia tenang tujuh puluh ribu tahun lamanya. Maka Allah Bisubhanahuwa Taala menjadikan ia akan menghabiskan air itu pun berasap dan berubah. Syahadan daripada itulah dijadikan langit dan daripada buih itulah dijadikan bumi likaulihi Taala “Summa astawa i“la assama” wahiya dukha.”

(*Hikayat Nabi Adam*. 1)

Bermula maka Allah Subhanahu Wa Taala firman kepada segala malaikat, “Bahawa kau bawa akan Adam itu ke langit menghadap akan aku **Tuhan Yang Maha Mulia Lagi Amat Besar**. Segala isi langit itu memujinya Tuhan melihat rupa Adam itu.

(*Hikayat Nabi Adam*. 14)

Artinya, yakni segala puji-pujian bagi **Allah Taala Yang Amat Besar Kebesaran**. Bahawa segala mereka itu telah percayalah ia akan daku dan segala pujian-pujian akan kekasih akan daku dan pesuruhku.

(*Hikayat Nabi Adam*. 15)

Dengan kudratku bahawa Adam Alaihi Salam mengucap tasbih akan daku, membesarkan aku dan memuji akan daku dan iaitu akan kemuliaannya ayatul Kursi dan naik saksilah aku bahawasanya tiada Tuhan yang menjadikan segala suatu hanya aku jua **Tuhan Yang Amat Kuasa**.

(*Hikayat Nabi Adam*: 38)

Berdasarkan kepada petikan yang dinyatakan, maka dapat dilihat bahawa pengarang telah memperkenalkan kepada pembaca masyarakatnya mengenai sifat-sifat Allah itu yang amat berkuasa dan merupakan satu-satunya Tuhan yang layak disembah. Dengan mengenali Allah ini diharap dapat meningkatkan ketaqwaan manusia kepada Tuhannya.

#### 4.2.3 *Peringatan Tipudaya Iblis*

Setelah Iblis menderhaka kepada Allah kerana enggan sujud kepada Nabi Adam, Iblis telah diusir dari syurga Allah. Namun, ia meminta ditangguhkan kematiannya sehingga kepada hari kiamat dan menyatakan dendamnya kepada Nabi Adam sehingga berjanji akan sentiasa menghasut untuk menyesatkan manusia untuk bersama-samanya menjadi penghuni neraka. Berikut merupakan petikan bahawa Iblis merupakan musuh yang nyata kepada manusia yang terdapat di dalam naskhah *Hikayat Nabi Adam* yang disampaikan oleh pengarang:

Maka firman Allah Taala, “Telah ku perkenankanlah pintamu itu. Berdatang sembah lah hai engkau hai Iblis. Likaulihi Taala, “Fabi“izzatika laghwinahum ajma“in i“laibadaka minhum almukhalisin.” Artinya, sembah Iblis, “Demi kemuliaan-Mu dan bumi k-t-p-k-y-n. Demi bahawa engkau jua yang terlebih mulia terlebih tinggi, bahawa akan segala anak cucu Adam ini kupohonkan ke hadrat Allah-Mu, hambalah mintakan dunia dan hambalah yang m-ng-w-p-a-‘-y daripada jalan makmur-Mu, kubawa kepada jalan yang sesat. Dan bahawa ada baginya barang kata hamba-Mu sampai ia bersama dengan aku masuk neraka.

(*Hikayat Nabi Adam*: 13)

Berdasarkan petikan tersebut, ternyata bahawa permusuhan antara Iblis dan manusia ini sudah bermula sejak penciptaan Nabi Adam lagi kerana kesombongan Iblis yang merasakan dirinya lebih hebat dan mulia berbanding Nabi Adam yang dilantik oleh Allah sebagai khalifah di muka bumi serta diberi kemuliaan yang tidak terperi. Manusia diciptakan sebagai sebaik-baik ciptaan dan disebabkan itulah, Iblis enggan menurut perintah Allah kerana merasakan asal-usulnya diperbuat daripada api lebih layak mendapat kemuliaan berbanding Nabi Adam yang hanya diciptakan daripada tanah. Oleh sebab itu, Iblis telah berjanji untuk menggoda, menghasut dan memperdayakan manusia supaya berpaling daripada Allah. Allah telah memperkenankan permintaan Iblis namun sentiasa mengingatkan Nabi Adam sebagai pesanan kepada umat manusia tentang kejahatan hasad dengki Iblis yang perlu dijauhi. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Likaulihi Taala, “Ya adamu askunu anta wazaujuka aljannata wakula minha zaghada haisu syi’tuma wa la taqraba hazihi syajarah fatakuna minna zalimin.” Artinya firman Tuhan, “Hai Adam! Diamlah engkau di dalam syurga ini tetapi engkau ingat-ingat bencana Iblis itu ialah seterumu yang mekar dan janganlah engkau yang hampirkan pohon kayu itu. Jika hampir kepadanya adalah engkau menganiayai dirimu dan ingat-ingat engkau Iblis itu. Ambil olehmu ia akan seterumu.

(*Hikayat Nabi Adam*: 16)

Berdasarkan ayat tersebut, dapat dilihat Allah menegaskan kepada Nabi Adam dan menjadi pesanan kepada semua manusia bahawa akan adanya hari kebangkitan dan pembalasan terhadap amal manusia di dunia adalah benar adanya, tidak ada keraguan sedikit pun padanya. Syurga dan neraka merupakan tempat pengabdian manusia kelak selepas persinggahan di dunia yang fana ini. Walaupun terdapat perintah larangan dan peringatan

Allah tentang Iblis sebagai seteru manusia, namun sifat manusia yang gopoh telah menyebabkan Nabi Adam dan Hawa termakan oleh tipu daya Iblis itu yang mengumpan mereka dengan memakan buah larangan yang ada dalam syurga. Adam dan Hawa percaya bahawa mereka dapat kekal di dalam syurga setelah memakan buah tersebut. Akibat kata manis Iblis itu, Adam dan Hawa diusir ke bumi. Disebabkan peristiwa ini, pengarang telah menyampaikan mesej dakwahnya bahawa Iblis itu musuh manusia. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Ketahuiilah segala yang budiman! Barang yang di mana ada tempatku kerana maka hendaklah dipelihara dirinya baik daripadanya supaya tahu kejadian dan apa kesudahannya. Maka Adam pun ingatlah ia akan dirinya. Maka hatta Iblis pun sentiasalah hendak mencari jalan hendak berdayakan Adam itu jua citanya sampai binasakan Adam itu.

(*Hikayat Nabi Adam*: 16)

Petikan tersebut mengingatkan manusia bahawa kehidupan manusia di dunia ini hanyalah sementara, hanya sebagai jalan menuju kehidupan akhirat, kehidupan yang hakiki dan abadi. Oleh kerana itu, sudah selayaknya bagi setiap manusia untuk mempersiapkan diri mereka menyambut hari akhirat dengan bersegera memanfaatkan waktu-waktu yang ada sebagai ladang menanam amal-amal soleh sebagai bekalan di akhirat kelak. Penjelasan tentang Iblis sebagai musuh utama kepada umat Islam ini terlalu banyak dijelaskan di dalam al-Quran seperti surah Al-An'am: 142, surah Al-Araf: 22, surah Yusuf: 5, surah Al-Kahfi: 50, surah Taha: 115-123, surah Al-Qasas: 15, surah Fatir: 6, surah Yasin: 60, dan surah Az-Zukhruf: 62.

#### 4.3. Menyampaikan Kebenaran Islam

Naskhah *Hikayat Nabi Adam* banyak menceritakan tentang kebenaran kewujudan Allah itu sebagai Tuhan yang layak disembah dan diyakini kekuasaan-Nya. Islam merupakan agama yang sempurna dan benar. Firman Allah S.W.T yang bermaksud: Pada hari ini telah Aku sempurnakan agamamu untukmu, dan telah Aku sempurnakan nikmat-Ku bagimu dan telah Aku redhakan Islam sebagai agamamu (Al-Maidah: 3). Hal ini memberi erti bahawa agama Islam itu pelengkap kepada agama-agama samawi, bahkan dalam masa yang sama agama Islam ini meliputi semua perkara dalam kehidupan umat Islam. Di dalam penulisan *Hikayat Nabi Adam*, pengarang juga menurunkan firman Allah yang menyatakan kebenaran dan kuwujudan Allah seperti berikut:

Setelah mendengar Adam berfirman demikian itu maka menangislah Adam Alaihi Salam. Maka sumpahnya, "Ya Tuhanku! Tiada kau jadikan mereka itu suatu ugama Islam jua semuanya sembah dikau?" Maka firman Allah Taala, "Hai Adam! Dari kerana itulah kujadikan mereka itu. Barangsiapa percaya apa segala akan tanda aku dan rasulku, maka dikerjakan bagi mereka itu amal soleh maka mereka itu kumasukkan ke dalam syurga. Dan barang siapa tiada percaya akan daku dan rasulku lagi sembahnya lain daripada aku, maka bahawa sesungguhnya kumasukkan akan dia ke dalam neraka.

(*Hikayat Nabi Adam*: 24)

Petikan tersebut menjelaskan bahawa Allah merupakan Tuhan Yang Satu yang seharusnya disembah bagi setiap insan. Setiap perintah Allah yang dilaksanakan akan diberikan ganjaran syurga manakala setiap larangan yang dilanggar akan dimasukkan ke dalam neraka. Oleh itu, secara tidak langsung dapat dinyatakan bahawa kebenaran Islam juga disampaikan melalui gambaran kewujudan syurga dan neraka yang terdapat di dalam *Hikayat Nabi Adam*. Setiap insan yang beragama pasti mengakui kewujudan syurga dan neraka sebagai destinasi yang kekal abadi dalam usaha memberi peringatan mengenai balasan yang bakal diterima oleh manusia dalam setiap perkara yang dilakukan. Peringatan



demi peringatan diberi kepada umat Nabi Muhammad S.A.W mengenai balasan syurga dan neraka.

#### 4.4. *Menyeru Kepada Amar Ma'ruf Nahi Munkar*

Manusia merupakan khalifah yang dijadikan Allah dan diangkat darjat kemuliaan manusia bagi mentadbir bumi ini. Disebabkan itu manusia bertanggungjawab kepada Tuhannya ke atas segala tindakannya dalam kehidupan di dunia ini. Hidup insan yang sementara di dunia ini sebenarnya merupakan satu ujian besar dari Allah, setakat mana manusia itu mampu menjalankan tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan sebagai hamba-Nya. Hal ini bertepatan dengan prinsip wajib dakwah yang didasarkan kepada al-Quran Surah An-Nahl: 125 yang bermaksud 'Ajaklah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik. Terdapat juga ayat dari al-Quran, surah al-Imran: 104 yang memerintahkan manusia untuk melakukan dakwah dan amar ma'ruf nahi munkar iaitu 'Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.'

Allah telah mengutuskan para nabi dan rasulnya bagi membimbing dan mengajarkan perkara yang berkaitan akidah, taqwa dan sebagainya. Maka menjadi tugas nabi dan rasul menyampaikan dakwah kepada umat mereka. Jika diteliti kepada makna yang dibawa berdasarkan konsep dakwah itu sendiri ialah mengajak manusia melakukan kebaikan dan meninggalkan apa yang dilarang. Oleh itu, dapat dilihat di dalam naskhah *Hikayat Nabi Adam*, beberapa peristiwa yang boleh dijadikan sebagai pengajaran kepada manusia untuk tidak melanggar apa yang telah dilarang oleh Allah. Contoh peristiwa yang perlu dijadikan pengajaran ialah peristiwa Iblis mempunyai hasad dengki kepada Nabi Adam disebabkan ia menganggap dirinya lebih hebat berbanding manusia kerana diciptakan daripada api manakala manusia diciptakan Allah daripada tanah. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Setelah ia di bumi, adakan maka tatkala datanglah pada masa akan berganti likaulihi Taala, "Inni Ja'alun fi alardi khalfatun." Yakni hendak aku menjadi rajakan di dalam bumi. Maka tatkala firman demikian itu maka sangatlah dukacita Iblis daripada sangat dengki hatinya likaulihi Taala, "Qolu attaja'lu fiha min yufsidu fiha yasufsiku dimaa" wanahnu bihamdika wanufaddisu laka." Yakni sembah segala malaikat, "Siapa kau jadikan raja di dalam bumi itu."

(*Hikayat Nabi Adam: 6*)

Maka firman Tuhan akan Iblis itu likaulihi Taala, "Ya Iblisu ma mana'aka an tasjud lima khalaqtu biyadaya." Artinya, "Hai Iblis! Siapa menegahkan engkau sujud pada yang kujadikan dengan tanganku kah?" Maka kata Iblis likaumulih Taala, "Qola ana khairun minhu. Khalaqtani min narin wakhalaqtahu min tin." Artinya "Ya Tuhanku! Aku terlebih baik daripadanya. Bahawa aku jadi daripada cahaya api dan kau jadikan Adam itu daripada tanah yang kami tiada harus cahaya menyembah kamu."

(*Hikayat Nabi Adam: 13*)

Sifat dengki dan sombong ini merupakan perkara yang sangat ditegah dalam Islam. Disebabkan sifat sombong Iblis ini maka ia menjadi derhaka kepada Tuhan dan dikeluarkan Allah daripada syurga sehinggakan ia menyimpan dendam kepada manusia sehingga hari kiamat. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Qola Allah Taala, "Fakhruju minha fainnaka rajim. Wain alaika la'nati ila yaumi ddin." Artinya Hai Iblis bahawa keluarlah engkau daripada malaikat ku dan engkaulah dilontar malaikatku ke atasmu hingga datang hari kiamat. Yakni hari akhirat. Maka firman Tuhan beseru alam, "Hai Iblis! Keluarlah engkau di bawah

langitku dan dari atas bumiku dan keluarlah engkau daripada rupa malaikatku, masuklah engkau pada rupa Iblis dan engkau kaku yang tiada berkesudahan.”

*(Hikayat Nabi Adam: 13)*

Maka firman Tuhan seru alam, “Hai Iblis! Telah kuperkenanlah pintamu itu selama engkau hingga datang kepada hari kiamat. Setelah itu maka Iblis pun berdendamlah hatinya akan Adam dan akan segala anak cucunya, mencari jalan akan persesat akan Adam dan anak cucunya. Hanya itulah akan kerjanya sentiasa dimasyhulkan.

*(Hikayat Nabi Adam: 14)*

Selain kisah kesombongan dan penderhakaan Iblis, terdapat juga kisah Habil dan Qabil yang menjadi peringatan kepada manusia agar tidak mencontohi peristiwa ini. Habil dan Qabil merupakan anak kepada Nabi Adam dan Hawa yang bergaduh berebut untuk berkahwin dengan Iqlima. Habil menyimpan dendam dan terpedaya dengan hasutan Iblis kerana tidak mahu mendengar nasihat Nabi Adam sehingga berlaku peristiwa Habil membunuh Qabil. Peristiwa Habil membunuh Qabil ini merupakan pembunuhan pertama yang berlaku di dalam dunia. Peristiwa ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Setelah Qabil mendengar kata orang tua itu membunuhlah ular itu demikian kubunuh akan dia. Maka sahut Qabil kepada Iblis itu, “Benar sekali katamu itu sanya akan Habil pun ada di bawah pohon kayu itu tertidur ia. Tidurnya terlalu b-d-r1.” Maka ujar Iblis, “Sebaik-baiknyalah itu. Pergilah engkau bunuh akan dia. Ambil olehmu akan bata sebata. Maka palukanlah pada kepalanya.” Hatta maka Qabil pun berbalik pula kepada pohon kayu itu lalu diambilkannya suatu bata lalu dipalukannya pada kepala Habil. Maka terpancarlah otak. Maka Habil pun mati.

*(Hikayat Nabi Adam: 35)*

Berdasarkan peristiwa tersebut, dapat dijelaskan bahawa selagi manusia itu tidak menghindari diri dan perasaannya dari hasad dengki dan tamak haloba maka selagi itu sengketa tetap terus berlaku. Inilah penyakit yang paling ditakuti menimpa dalam sesuatu masyarakat. Selain itu, terdapat juga peristiwa yang berupa pesanan kepada manusia agar tabah dalam menghadapi pancaroba dalam kehidupan. Nabi Adam telah dihukum dibuang ke dunia dan berpisah dengan Hawa namun baginda masih tidak membuang kasihnya terhadap Allah malah sentiasa memohon ampun dan membuat persediaan untuk hari akhirat dengan beramal soleh dan beribadat kepada Allah. Nabi Adam tidak pernah berputus asa mencari Hawa dan berdoa agar dipertemukan kembali dengan Hawa. Sehingga ketika menerima ujian kehilangan anaknya Habil dan Qabil, Nabi Adam sentiasa sabar dan redha menempuh ujian daripada Allah. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Bagi Nabi Adam mengharap dengan tangisnya dan diserunya kepada Allah Taala kemudian katanya, “Hai segala anakku! Ketahuilah olehmu sekalian pada masa aku di dalam syurga, sangat dipermulia Tuhanku kepada aku dengan anugerahnya segala nikmat atasku. Maka daripada s-n-d-b-h-l-y-l-w pada melalui titahkan kumakan buah Khuld itu maka dibuangkannya akan daku daripada tempatku di dalam syurga itu ke bawah tujuh petala langit hingga jatuh ku ke bukit Syrindib. Maka duduklah aku di dalam dunia ini. Jikalau sekiranya aku berbuat derhaka pula kepada Tuhanku di dalam dunia ini, siapa tahu akan buangkannya pula akan daku ke bawah tujuh petala bumi. Kemanakah tempatku yang terlebih jahat daripada ini. Dari kerana itulah maka sangat aku takut kepada Allah Taala.”

*(Hikayat Nabi Adam: 37)*

Berdasarkan petikan tersebut, ternyata bahawa tiada manusia yang sempurna dan terlepas daripada melakukan kesalahan malah Nabi Adam sendiri menerima hukuman ke atas kesalahan yang telah beliau lakukan. Jika diteliti kisah Iblis dan Nabi Adam yang dibuang ke dunia, kedua-dua mereka menerima hukuman atas kesalahan yang dilakukan namun terdapat perbezaan bagaimana penerimaan Nabi Adam dan Iblis menerima dan

menjalankan hukuman tersebut. Iblis terus menyimpan dendam dan tidak bertaubat manakala Nabi Adam terus menyesali kesalahannya dan melakukan taubat memohon keampunan daripada Allah S.W.T. Ini merupakan perkara sebenarnya yang dianjurkan oleh Islam dan disampaikan pesanan (dakwah) ini melalui penceritaan *Hikayat Nabi Adam* oleh pengarang.

Kisah manusia pertama iaitu Nabi Adam disebut dalam lapan surah berbeza untuk memberi pengajaran kepada manusia mengenai pelbagai kisah bermula daripada latar belakang penciptaan Adam, ujian dilalui ketika berada di syurga, taubat nabi Adam hingga perjuangan Baginda dan Hawa di dunia. Oleh itu, setiap manusia perlulah patuh kepada undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah, bertindak mengawasi diri sendiri seterusnya sentiasa melakukan kebaikan sebagai khalifah Allah di bumi ini.

#### 4.5 *Memperlihatkan Kebesaran Doa*

Haron Din (1990) menegaskan agama ialah kepercayaan yang qudus, menyatakan diri pada hubungan dalam bentuk upacara, penyembahan dan permohonan, dan membentuk sikap hidup berdasarkan ajaran tertentu. Antara cara umat Islam mendekati diri dan menyatakan perhambaan diri kepada Tuhannya ialah dengan berdoa. Doa merupakan saluran manusia untuk bercakap, mengadu, memohon kepada Tuhan. Dalam naskhah *Hikayat Nabi Adam*, doa dilihat sebagai satu cara makhluk yang diciptakan oleh Allah untuk berinteraksi dengan-Nya. Sejahat dan seburuk Iblis yang sudah menderhaka pun dimakbulkan doanya oleh Tuhan apatah lagi doa yang sentiasa diminta oleh Nabi Adam dan manusia lain. Penerapan doa-doa yang terdapat di dalam *Hikayat Nabi Adam* ini dilihat sebagai salah satu cara pengarang menerapkan nilai-nilai Islam di dalam karya. Antara kebesaran doa yang terdapat di dalam naskhah adalah seperti berikut:

Arakian maka Nabi Allah Adam alaihi salam pun minta doa kepada Allah Taala sabdanya, “Ya Tuhanku! Bahawasa engkau jua Tuhan yang amat mengampuni akan hal segala hambaMu. Bahawa kehendak mereka itu dunia ini yang fana ini daripada negeri akhirat maka jika kau anugerahi harta dan belanja dan perniagaan akan mereka itu nescaya uzurlah mereka itu akan dunia mereka itu. Dan jika tiada kau anugerah akan mereka itu sebgailah ia mintai belanja dan dengan supaya berniaga mereka itu inilah maka hamba-Mu memohonkan kurnia-Mu.” Arakian maka Jibrail pun turun kepada Nabi Allah Adam membawa segenggam perak wang maka ujar Jibrail, “Ya Adam! Bahawa TuhanMu berfirman kepada-Mu, inilah emas segenggam dan perak segenggam. Anugerah daripada Allah Taala akan segala anak cucu tuan hamba.”

(*Hikayat Nabi Adam: 38*)

Maka sahut Sith, “Hai bapaku! Kerana tuan hamba bapa kami sekalian, sepatutnya bapak k-a-kh-y jua minta doa kepada kami.” Maka kata Nabi Adam, “Telah malulah aku akan Tuhanku kerana aku ini berdosa kepadanya.” Arakian maka pergilah Sith ke atas bukit. Setelah sampai ia ke sana maka ia pun minta doa kepada Allah Subhanahu Wa Taala sabdanya, “Ya Tuhanku! Bahawa engkau jua Tuhan yang amat mengetahui akan segala suatu. Ya Tuhanku anugerahi kiranya akan khalifahMu Adam buah kayu di dalam syurga kerana sangatlah hasrat bapakku itu hendak makan dia.” Maka pada ketika itu juga turun Jibrail a.s serta bidadari membawa t-a-y-p daripada emas yang merah serta atas dan m-t-w-d di isi t-a-y-p itu sujudlah bagi buah-buahan syurga.

(*Hikayat Nabi Adam: 39*)

Berdasarkan petikan, doa dilihat sebagai satu medium manusia untuk menyatakan sesuatu kepada Tuhannya. Maka kebesaran doa ini haruslah diwar-warkan kerana doa merupakan senjata utama umat Islam dan sebagai usaha mendekati diri kepada Allah. Usaha

memperbanyak umat Islam dan memberi pengetahuan tentang Islam (penyebaran Islam) kepada masyarakat dahulu telah dilakukan melalui pelbagai kegiatan yang mencerminkan kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam termasuk dengan menghasilkan manuskrip ini. Hal ini menguatkan lagi pendapat Hashim Awang (1994) yang mengatakan sastra sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan, kemurnian dan keindahan Islam yang menjadi daya tarikan khalayaknya.

#### 4.6 Terdapat Amalan Lazim Dalam Agama Islam

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa satu proses perubahan dalam mengenalkan masyarakat tentang satu ajaran baru yang sebelum ini mengamalkan ajaran Hindu-Buddha. Kedatangan Islam dikatakan bermula seawal abad ke-7 di Alam Melayu. Sebelum menerima ajaran Hindu-Buddha, masyarakat Melayu mengamalkan kepercayaan animisme. Namun kedatangan Islam telah banyak memberi perubahan kepada sosiobudaya dan hal-hal berkaitan dengan peraturan hidup masyarakat Melayu.

##### 1) Menunaikan Ibadah Haji

Melalui penelitian ke atas naskhah *Hikayat Nabi Adam*, banyak diperlihatkan unsur-unsur kewajipan yang dituntut dalam Islam kepada umatnya dalam menjalankan kehidupan sebagai manusia dan hamba Allah di muka bumi ini. Kewajipan yang dituntut ini sudah menjadi kelaziman di dalam masyarakat kini. Antara amalan yang menjadi kewajipan yang dituntut oleh Islam kepada umatnya seperti yang terdapat di dalam naskhah manuskrip ini ialah menunaikan haji. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Maka pada suatu hari datang Jibrail kepada Nabi Allah Adam a.s. Maka kata Jibrail, “Hai Nabi Allah Adam! “Haji qabla min almat.” Artinya “Hai Nabi Allah Adam! naik haji engkau dahulu daripada mata.” Dan Nabi Allah Adam mendengar nama mata itu maka tubuh Nabi Adam pun gementarlah segala tulang sendinya. Maka kata Nabi Allah Adam, “Ke mana jalanku Ya Jibrail?” Maka ujar Jibrail, “Kaabah Allah Taala.” Maka berjalanlah Nabi Allah Adam menuju kaabah Allah Taala. Maka barang di mana ia berhenti maka jadilah bumi itu makmur dan menjadi negeri besar berkat kemuliaannya Nabi Allah Adam m-m-l-t Allah.

(*Hikayat Nabi Adam*: 21)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dilihat bahawa Nabi Adam telah disuruh Allah untuk mengerjakan haji. Pengertian Haji adalah mengunjungi Baitullah (Kaabah) di Mekah untuk melakukan amal ibadah tertentu dengan syarat-syarat tertentu. Ibadah Haji merupakan salah satu daripada lima rukun Islam, yakni pada rukun yang kelima yang wajib dikerjakan bagi setiap muslim, baik lelaki mahupun perempuan yang mampu dan telah memenuhi syarat. Menunaikan ibadah haji diwajibkan atas setiap muslim yang mampu mengerjakannya dan seumur hidup sekali. Bagi mereka yang mengerjakan haji lebih dari satu, hukumnya adalah sunnah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa untuk sampai ke sana. Dan sesiapa yang kufur (ingkar kewajipan haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.” (Surah Al-Imran, ayat 97).

Berdasarkan firman Allah tersebut, dapat dinyatakan bahawa Allah telah mewajibkan ibadah haji kepada setiap umatnya yang berkemampuan. Penceritaan ibadah haji ini terdapat di dalam naskhah *Hikayat Nabi Adam* sebagai salah satu dakwah kepada masyarakat bahawa haji merupakan salah satu cara untuk manusia mendekati diri kepada Allah agar mendapat keampunan daripada-Nya. Hal ini kerana, Nabi Adam disuruh

mengerjakan haji setelah baginda dibuang ke bumi dari syurga kerana melanggar larangan Allah memakan buah Khuldi.

## 2) *Puasa*

Berpuasa juga merupakan salah satu ibadah yang diwajibkan kepada umat Islam kerana ia termasuk dalam lima rukun Islam yang telah disyariatkan. Berpuasa ini secara amnya dari segi bahasa ialah menahan diri dari lapar dan dahaga manakala dari segi syarak bermaksud menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula terbit fajar sehingga tenggelam matahari. Ibadah puasa ini turut diceritakan di dalam *Hikayat Nabi Adam* ketika Nabi Adam mendapat penyakit misteri iaitu terdapat tanda hitam pada bahagian dahi dan lama-kelamaan tanda hitam itu semakin merebak sehingga keseluruhan tubuh. Maka bertitik tolak daripada peristiwa tersebut Allah telah menurunkan perintah agar Nabi Adam berpuasa bagi menghilangkan penyakit yang ada pada dirinya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Kalikian maka datang tanda hitam pada dahinya Nabi Allah Adam makin sehari makin besar tanda itu. Hatta maka lalu pada segala tubuh Adam jadi hitam melainkan muka Nabi Allah Adam juga yang belum lagi hitam. Maka Nabi Allah Adam pun sangatlah dukacita hatinya dengan takut di dalam hatinya, “Akan penyakit itu jahat jua yang datang ini. Apa periku menghapuskan dia?” Maka berkata Adam, “Ya Tuanku Jibrail! Apa jua yang hitam pada tubuh hamba ini dan hikmat apa jua yang dijadikan Allah Taala atas hamba?” Maka sahut Jibrail, “Hukum Allah itu tuan hamba Jika tuan hamba hendakkan hilang yang hitam pada tubuh tuan hamba itu maka puasalah sehari datang malam. Janganlah Nabi Allah makan dan minum. Hatta maka Nabi Allah Adam pun puasalah sehari semalam itu. Maka datang kepada paginya suku tubuh Nabi Allah Adam itu pun putih. Maka Jibrail turun kepada Nabi Allah Adam. Maka ujarnya, “Sehari ini puasa juga tuan hamba.” Maka dipuaskan Nabi Adam pula sehari semalam lagi maka suci tubuh Nabi Adam datang kepada pusatnya.” Maka ujar Jibrail, “Puasa kepada tiga hari sampai yang hitam pada tuan hamba itu semuanya habis hilang.” Kalikian maka jadi putihlah segala tubuh Nabi Adam. Dengan kudrat Allah Taala maka datang segera barang segala orang yang soleh itu puasa ia mengikut sunat Nabi Adam pada tiga belas hari dan pada lima belas hari bulan dipuaskan nabi Allah Adam pada tiap-tiap bulan. Maka kepada Nabi Allah Adam difardhukan Allah Taala pada tiap-tiap bulan tiga hari ia puasa, maka dinamai puasa itu hari putih. Yakni yang putih. Maka puasa itu hingga datang kepada Nabi yang kemudian dikerjakan mereka itu.

(*Hikayat Nabi Adam*: 30 dan 31)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat bahawa ibadah puasa ini mempunyai pelbagai hikmah. Puasa disyariatkan bukan bagi tujuan mendera atau menyiksa umat Islam seperti prejudis yang diketengahkan oleh sesetengah pendapat orang bukan Islam. Terdapat segelintir masyarakat bukan Islam menganggap bahawa puasa ini hanyalah perbuatan sia-sia namun, umat Islam wajib percaya bahawa tidak akan ada satu pun perkara yang disuruh Allah mengakibatkan sia-sia sebaliknya terselindung hikmah atas setiap perkara yang dituntut. Antara hikmah berpuasa ini ialah selain melatih sifat sabar dan membentuk kesederhanaan malah ia turut merupakan amalan bagi menjaga kesihatan.

Kewajipan berpuasa ini juga sememangnya terdapat di dalam ayat al-Quran: “Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.”(al baqarah:183). Bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan [permulaan] Al Qur’an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda [antara yang hak dan yang

bathil]. Kerana itu, barangsiapa di antara kamu hadir [di negeri tempat tinggalnya] di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu (al Baqarah: 185)

### 3) *Ibadah Korban*

Ibadah korban ini merupakan perkataan Arab yang membawa maksud "pendekatan". Dalam *Kamus Dewan* (2007), korban bermaksud amalan menghampirkan diri kepada Allah S.W.T dengan menyembelih binatang ternakan (lembu, kambing, kerbau dan lain-lain) pada 10 Zulhijjah atau tiga hari selepasnya (Hari Tasyrik) dengan mengagihkan sebahagian daripada daging itu kepada fakir miskin. Dalam bahasa Arab, ibadah korban itu lebih masyhur dengan perkataan *`udhīyah* yang membawa maksud pengorbanan. Ibadah korban ini bertujuan untuk mendekati diri kepada Allah seperti yang terdapat di dalam surah al Hajj: 34 yang bermaksud "Dan bagi tiap-tiap umat telah Kami syariatkan penyembelihan (qurban), supaya mereka menyebut nama Allah terhadap binatang ternak yang telah direzkan Allah kepada mereka, Maka Tuhanmu ialah Tuhan yang Maha Esa, karena itu berserah dirilah kamu kepada-Nya. dan berilah kabar gembira kepada orang-orang yang tunduk patuh (kepada Allah)."

Peristiwa korban ini terdapat di dalam *Hikayat Nabi Adam* ketika Habil dan Qabil berebutkan untuk berkahwin dengan Iqlima. Nabi Adam telah menyuruh anak-anaknya agar melakukan ibadah korban dan korban yang dipilih Allah akan menentukan kemenangan antara mereka. Peristiwa ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Maka kata Nabi Adam, "Hai Qabil! Jangan engkau berbantah dahulu kerana ada dijadikan Allah Taala hikmah akan kita. Maka pergilah kamu kedua membawa korban kamu ke atas bukit." Maka pergilah keduanya. Barangsiapa diterima Allah Taala korbannya, maka dialah benar dan barangsiapa tiada terima oleh Allah Taala korbannya itu ialah salah. Hatta tiadalah dengar kepada Qabil kata bapaknya itu. Maka diajaknyalah Habil. Ujarnya, "Hai Habil! Marilah kita bawa korban kita seperti kata bapa kita itu." Maka sahut Habil, "Baiklah." Hatta pada esok hari bawa[k] keduanya seorang seekor kambing.

(*Hikayat Nabi Adam*: 33)

Al-Şabuni (2000) mengupas dalam kitabnya bahawa Allah S.W.T menjadikan korban sebagai salah satu syiar agama-Nya, iaitu seorang muslim menyembelih dengan tujuan Taqarrub ila Allah dengan penyembelihan binatang korban itu dan memperolehi keampunan dan keredaan-Nya. Selain itu juga, ibadah korban ini bukan hanya terdapat di dalam peristiwa Nabi Adam sahaja malah turut terjadi pada zaman Nabi Idris, Nabi Nuh, Nabi Musa, Nabi Zakaria dan Nabi Yahya. Hikmah yang paling jelas dan tinggi nilainya tentang korban adalah untuk menghayati semangat pengorbanan agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s iaitu ketika Allah menguji baginda supaya menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s. Kemudian Allah S.W.T menebusnya dengan seekor kibash yang diturunkan-Nya dan memerintah Nabi Ibrahim a.s. agar menyembelihnya. Peristiwa ini berlaku setelah Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya berusaha bersama-sama melaksanakan perintah Allah S.W.T. (Mustafa Dib al-Bugha, 2009).

Peristiwa korban yang dilakukan pada zaman Nabi Ibrahim ini menjadi permulaan pelaksanaan ibadah korban pada zaman Nabi Muhammad hingga kini. Ibadah ini dilakukan oleh umat Islam di seluruh dunia setiap tahun pada Hari Raya Aidil Adha, atau Hari Raya Korban pada 10 Zulhijjah dan Hari-hari Tasyrik, iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah. Pelaksanaan ibadah korban serta peristiwa korban yang terdapat di dalam *Hikayat Nabi Adam* ini adalah salah satu cara pengarang menyampaikan dakwah melalui penerapan nilai-nilai Islam dan kebenaran Islam yang terpancar melalui karya.

## 5. Rumusan

Kesimpulannya, manuskrip *Hikayat Nabi Adam* ini merupakan satu manuskrip Melayu yang berunsur Islam yang mengandungi penceritaan tentang riwayat hidup dan asal-usul kejadian manusia di muka bumi ini. Penulisan manuskrip dalam Kesusasteraan Melayu lama adalah penting untuk menyebarkan Islam kepada orang-orang Melayu pada zaman lampau. Pengaruh Islam ini mula bertapak sejak awal abad ke 15 dan mula berkembang pesat pada abad ke-16 dan ke -17 apabila hampir seluruh penduduk di Kepulauan Melayu menganut agama Islam. Oleh itu, telah lahir banyak manuskrip yang berkisarkan ajaran-ajaran Islam. Pengaruh Islam ini telah banyak telah mengubah kepercayaan dan penghasilan karya-karya sastera masyarakat Melayu.

Dalam karya-karya sastera lama ini dapat dilihat banyak tersimpan nilai-nilai dan pengajaran Islam yang ditulis di dalam manuskrip sebagai salah satu cara penyebaran agama Islam kepada masyarakat Melayu lama. Penelitian terhadap sastera Islam ini telah memperlihatkan keindahan sastera tersebut dengan membawa pengajaran yang dituntut oleh Islam. Selain itu, sumber dari al-Quran digunakan bagi memudahkan penyampaian dakwah sesuai mengikut syariat dan landasan Islam yang sebenar.

Secara keseluruhannya, berdasarkan pendekatan yang digunakan dalam menganalisis *Hikayat Nabi Adam* terdapat banyak gambaran kekuasaan dan keagungan Allah serta asas Islam seperti bermulanya kewujudan bumi dan alam semesta ini serta kelahiran manusia ke dunia adalah kerana kehendak Allah S.W.T. Pendekatan dakwah yang diterapkan di dalam pengkajian dan analisis *Hikayat Nabi Adam* ini memperlihatkan kesusasteraan Islam ini membawa unsur dakwah bagi meningkatkan ketakwaan dan mendekatkan diri kepada Allah dengan menerapkan unsur keagungan dan Allah dan kebesaran Islam itu sendiri.

## Rujukan

- Bakar, R. A., & van Engelenhoven, A. (2016). *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. Jurnal Kesidang, 1(1)*, 20-49.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2007). *Kamus Dewan*. Edisi Ke-4. Hulu Kelang, Selangor.
- Haron Din (1990) *Manusia Dan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang (1994). "Pengkajian Sastera" Pengkaedahan Melayu" dalam Sahlan Mohd. Saman (pnyl). *Pengarang, Teks dan Khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (2004). *Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian Dan Kritikan Kesusasteraan Melayu Brunei*. Dlm: Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu II 26 hingga 28 Februari 2004. UPSI.
- Kosasih, H. E. (2016). *Nilai-nilai Moral dalam Karya Sastra Melayu Klasik Islam: Kajian terhadap Hikayat Raja Khaibar, Hikayat Saif Zulyazan, serta Hikayat Mariam Zanariah dan Nurdin Masri*. SUSURGALUR 1(1).
- Muhammad Ahmad Ar-Rasyid. (2000). *Hambatan-hambatan Dakwah*. Jakarta: Robbani Press.
- Ardiyanto (2011) *Skripsi Hikayat Nabi: Suntingan Teks dan Analisis Struktur*. Surakarta: Universiti Sebelas Maret.
- 'Ali al-Sabuni (2000) *Terjemahan Tafsir Ayat-ayat Hukum dalam al-Quran* (Cetakan ke-3). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Azhar.
- Mustafa Dib al-Bugha (2009). *Terjemahan al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al- Imam Al Syafie* (Cetakan ke-5). Negeri Sembilan.